

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 26 JULAI 2017

RUJUKAN : 9965

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pengganas yang ditahan dan kemungkinan serangan berlaku di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ancaman daripada kumpulan militan terutama Daesh di Malaysia ialah realiti dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung di peringkat awal. Untuk itu, usaha memerangi kegiatan militan Daesh merupakan matlamat paling utama dan jelas kepada Kerajaan Malaysia.

Sehubungan itu, sehingga 30 Jun 2017 seramai 442 orang telah ditahan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan dan keselamatan. Daripada jumlah tersebut, 310 tangkapan membabitkan ahli kumpulan pengganas Daesh dan selebihnya bagi lain-lain kumpulan pengganas.

Sejak Februari 2013, PDRM telah berjaya menggagalkan 15 cubaan serangan kumpulan militan Daesh. Ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan untuk membendung elemen kumpulan pengganas Daesh daripada terus berkembang dan mengancam keselamatan.

Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi

keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.